



**PEJABAT KESIHATAN
PINTU MASUK ANTARABANGSA
PULAU PINANG**
Tingkat 1 Bangunan Tuanku Syed Putra
Lebuh Downing
10300 Pulau Pinang
MALAYSIA

Tel. : 604 - 2 644 918 (PELABUHAN)
Faks : 604 - 2 610 964
Tel. : 604 - 3 243 498 (BUTTERWORTH)
Faks : 604 - 3 243 473
Tel. : 604 - 6 461 928 (LTAB)
Faks : 604 - 6 462 883
Tel. : 604 - 6 436 596 (KUARANTIN)
Faks : 604 - 6 432 123
Email: pkpma.ppg@moh.gov.my



Ruj. Kami : Bil (11) dlm.PHO/ 100-6/3
Tarikh : 31 Januari 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

GARIS PANDUAN SARINGAN KAPAL KONTENA, KAPAL KARGO, KAPAL PERSIARAN DAN KAPAL LAYAR DI PINTU MASUK ANTARABANGSA

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah melaporkan secara rasmi pada 5 Januari 2020 tentang satu kejadian kluster radang paru-paru (pneumonia) melibatkan masyarakat setempat di Wuhan yang terletak di wilayah Hubei, Republik Rakyat China. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius mengenai kejadian ini dan telah melaksanakan langkah-langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi potensi penularan penyakit ini. Sehingga 30 Januari 2020, terdapat 8 kes positif novel coronavirus yang dilaporkan di Malaysia dengan kesemuanya adalah warganegara China.

3. Sehubungan dengan itu, Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa Pulau Pinang telah menyediakan garis panduan operasi perkapalan terutamanya Pelabuhan Pulau Pinang dan pangkalan kapal layar agar penyebaran virus ini dapat dikawal. Bersama ini disertakan garis panduan untuk rujukan pihak Tuan.

4. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak tuan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai kami, En Mohamad Naim Mohamad Rasidi di talian 04 – 2644918.

Sekian,terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. IZANLUZAIR BIN ZUBAIR)

Pakar Perubatan Kesihatan Awam

No. Pendaftaran MMC: 46672

Pegawai Kesihatan

Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa

Pulau Pinang

s.k Pengarah Kesihatan Negeri, JKN Pulau Pinang
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) JKN Pulau Pinang

SENARAI EDARAN

**Pengarah
Jabatan Laut Malaysia
765, Jalan Akuarium,
11700 Gelugor,
PULAU PINANG**

**Pengarah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Pulau Pinang
Wisma Kastam, Gat Lebuh China,
10300 Georgetown,
PULAU PINANG
(u.p Unit Pelabuhan Pulau Pinang)**

**Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal,
No 1A, King Edward Place
10300, Georgetown,
PULAU PINANG**

**Ketua Imigresen Pelabuhan Pulau Pinang
Jabatan Imigresen Malaysia
Jalan Lebuh Pantai
10550 Georgetown
PULAU PINANG**

**Ketua Pegawai Eksekutif
Penangport Sdn Bhd,
No 1, Pesara King Edward,
10300, Georgetown,
PULAU PINANG**

**Ketua
Balai Polis Pelabuhan
Swettenham Pier Cruise Terminal
No 1, Pesara King Edward,
10300, Georgetown,
PULAU PINANG**

**GARIS PANDUAN SARINGAN KAPAL KONVENTIONAL, KAPAL PERSIARAN
DAN KAPAL LAYAR DI PINTU MASUK ANTARABANGSA**

A: SARINGAN KAPAL PERSIARAN/ KAPAL KONVENTIONAL DARI CHINA /
KAPAL YANG MEMPUNYAI KES YANG DISYAKI PENYAKIT
KORONAVIRUS

1. Pejabat Kesihatan menerima maklumat ketibaan kapal dari China dari kapten kapal atau agen perkapalan.
2. Sekiranya kapal tersebut datang dari China atau terdapat kes yang disyaki, kapal akan diberikan status kuarantin dan berlabuh di dermaga.
3. Pegawai dari Pejabat Kesihatan akan menaiki kapal dan mengesahkan status kesihatan anak kapal dan penumpang dari China melalui kapten kapal atau pegawai perubatan kapal. Laporan mengenai langkah kawalan di atas kapal, deklarasi maritim dan dokumen yang berkenaan perlu diberikan kepada pegawai tersebut.
4. Saringan suhu terhadap penumpang dan anak kapal yang turun akan dijalankan oleh pasukan perubatan. Penumpang dan anak kapal yang disyaki dengan penyakit novel Coronavirus akan dirujuk ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan dan siasatan.
5. Kesemua penumpang dan anak kapal yang bebas dari simptom akan diberikan Health Alert Card.
6. Pihak pejabat kesihatan akan menjalankan pemeriksaan terhadap sanitasi kapal.
7. *Free Pratique* dan *Port Health Clearence* akan diberikan sekiranya pihak pejabat kesihatan berpuas hati dengan keadaan sanitasi kapal dan kapal mempunyai SSCC dan SSCEC yang sah.
8. *Order of Ship Sanitation* akan diberikan kepada kapten kapal atau agen perkapalan sekiranya terdapat keadaan sanitasi kapal yang tidak memuaskan. Pemeriksaan semula akan dijalankan oleh pihak pejabat kesihatan dan *Free Pratique* dan *Port Health Clearence* akan diberikan sekiranya *Order of Ship Sanitation* dilaksanakan.

B. SARINGAN KESIHATAN KAPAL PERSIARAN DI TAMBATAN / JETI

1. Kapten kapal akan membuat pengumuman semasa pelayaran. Pengumuman ini perlu dibuat sebelum kapal berlabuh di dermaga. Pengumuman tersebut perlu memasukkan mesej seperti ini.

Ladies and Gentlemen, For your health safety, we would appreciate your kind attention and action on this announcement concerning Novel Coronavirus infection from Mainland, China.

There is a requirement for the passengers if have any symptoms such as FEVER, BREATHLESS and COUGH, kindly identify yourselves to the cabin crews. We thank you for your kind attention, cooperation and action on this announcement.

2. Kapten kapal perlu lagi sekali membuat pengumuman semasa kapal berlabuh. Pengumuman tersebut perlu memasukkan mesej seperti ini.

Ladies and Gentlemen, For your health safety, we would appreciate your kind attention and action on this announcement concerning Novel Coronavirus infection from Mainland , China.

Passengers will be subjected to undergo thermal scanner upon arrival at the Health Screening Area, Swettenham Pier Cruise Terminal. We thank you for your kind attention, cooperation and action on this announcement.

3. Anak kapal perlu menjalankan penilaian visual dan berwaspada terhadap penumpang yang mempunyai simptom seperti batuk dan sukar bernafas tetapi tidak mengisyihar kesihatan diri mereka.
4. Saringan kesihatan penumpang dan anak kapal akan dijalankan melalui 3 cara
 - a. Ship clearence
 - b. Arrival Screening
 - c. Quarantine screening
5. Ship clearence
 - a. Semakan dokumen seperti
 - i. Deklarasi maritim
 - ii. Sijil SSCC dan SSCEC yang sah
 - iii. Senarai anak kapal
 - iv. Senarai penumpang
 - v. Senarai vaksinasi
 - vi. Port of Call
 - b. Penumpang yang turun akan diberikan Health Alert card
 - c. Health Declaration form akan diberikan kepada warga China untuk diisi

6. Arrival Screening

- a. Saringan dijalankan terhadap semua individu
- b. Warga China perlu memberikan health Declaration form kepada pihak pejabat kesihatan

7. Quarantine Screening

- a. Semua penumpang akan melalui saringan thermal yang dijalankan.

C. SARINGAN KESIHATAN KAPAL LAYAR DI PANGKALAN KAPAL LAYAR

1. Pejabat Kesihatan menerima maklumat ketibaan kapal layar dari Jabatan Laut Malaysia
2. Sekiranya kapal tersebut mempunyai penumpang dari China atau terdapat kes yang disyaki, kapal akan diberikan status kuarantin dan berlabuh di pangkalan
3. Pegawai dari pejabat kesihatan akan menaiki kapal dan mengesahkan status kesihatan anak kapal dan penumpang melalui kapten kapal atau pegawai kapal. Laporan mengenai langkah kawalan di atas kapal, deklarasi maritim dan dokumen yang berkenaan perlu diberikan kepada pegawai tersebut
4. Saringan kesihatan penumpang dan anak kapal akan dijalankan melalui 3 cara
 - a. Ship clearence
 - b. Arrival Screening
 - c. Quarantine screening
5. Ship clearence
 - a. Semakan dokumen seperti
 - i. Deklarasi maritim
 - ii. Sijil SSCC dan SSCEC yang sah
 - iii. Senarai anak kapal
 - iv. Senarai penumpang
 - v. Senarai vaksinasi
 - vi. Port of Call
 - b. Penumpang yang turun akan diberikan Health Alert card
 - c. Health Declaration form akan diberikan kepada warga China untuk diisi
6. Arrival Screening
 - a. Saringan dijalankan terhadap semua individu
 - b. Warga China perlu memberikan health Declaration form kepada pihak pejabat kesihatan
7. Pihak pejabat kesihatan akan menjalankan pemeriksaan terhadap sanitasi kapal

8. *Free Pratique* dan *Port Health Clearence* akan diberikan sekiranya pihak pejabat kesihatan berpuas hati dengan keadaan sanitasi kapal dan kapal mempunyai SSCC dan SSCEC yang sah
9. *Order of Ship Sanitation* akan diberikan kepada kapten kapal atau agen perkapalan sekiranya terdapat keadaan sanitasi kapal yang tidak memuaskan. Pemeriksaan semula akan dijalankan oleh pihak pejabat kesihatan dan *Free Pratique* dan *Port Health Clearence* akan diberikan sekiranya *Order of Ship Sanitation* dilaksanakan

D. PASUKAN PILOT PENANG PORT SDN BHD

1. Pasukan pilot yang menaiki kapal persiaran dikehendaki memakai topeng muka (facemask) dan menggunakan hand sanitizer
2. Sekiranya terdapat kapal yang perlu dikuarantin, makluman akan disampaikan kepada pihak agen dan operator pelabuhan.

E. AKTIVITI SHORELIFT

1. Sebarang aktiviti shorelift perlu dimaklumkan dan mendapatkan kebenaran dari Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa.
2. Pihak agen perlu berurusan di pejabat ini dan saringan kesihatan akan dijalankan kepada anak kapal yang memohon shorelift
3. Sekiranya didapati anak kapal tidak mempunyai keadaan kesihatan yang baik, arahan *Not to Land* akan dikeluarkan.

F. SIGN OFF

1. Sekiranya terdapat anak kapal *sign off* dari tugasan kapalnya, agen perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pintu Masuk Antarabangsa mengenai anak kapal tersebut.
2. Anak kapal perlu menjalani saringan kesihatan dari Pejabat Kesihatan Pintu masuk Antarabangsa sebelum anak kapal tersebut dibenarkan keluar dari terminal.